

# Kita cadang buat kajian di Antartika

KUALA LUMPUR, Ahad — Malaysia bercadang menghantar satu ekspedisi untuk membuat penyelidikan di benua Antartika.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rombongan itu, yang akan dilengkapi dengan peralatan penyelidikan, dijangka membuat kajian dan penilaian mengenai keadaan di benua itu.

"Malaysia akan berusaha meneruskan rancangan ini walaupun ada kuasa-kuasa besar yang mengaku benua itu milik mereka.

"Benua Antartika adalah kawasan bersama dan semua negara berhak ke atasnya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Ekspedisi Kayak Menjelajah Pantai Malaysia 8 anjuran Persatuan Rekreasi Luar Wilayah Persekutuan (Perwip) di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan masih belum menetapkan ahli-ahli rombongan itu. "Terpujanglah kepada mereka yang berminat untuk mengendalikannya. Kerajaan dengan kerjasama pihak lain akan membiayai ekspedisi itu.

"Sebagai latihan awal, mereka boleh menyiapkan diri dengan ekspedisi berkayak, mendaki Gunung Everest, mengembara dan pelbagai lagi kegiatan yang kini dianjurkan oleh beberapa pertubuhan," katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya Datuk Seri Dr Mahathir berkata kegiatan pengembaraan dan bersukan adalah amalan yang sihat. Ia dapat menjaga kesihatan badan serta membina semangat dan sifat keperibadian yang baik.

"Mengembara mengajar manusia menjadi berani me-

nempuh bahaya dan cabaran serta berfikir dengan tajam.

"Bangsa yang tidak berani menghadapi cabaran akan menjadi bangsa yang lemah. Oleh itu, kegiatan sukan atau pengembaraan perlu digalakkan bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang berani menghadapi cabaran," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata melalui pengembaraan, manusia dapat memerhatikan keadaan alam semula jadi. "Jika pemerhatian mereka terhadap alam sekeliling dicatat, ia pasti membantu manusia memahami keadaan sekeliling mereka dengan lebih mendalam.

"Dalam kehidupan di bandar, kita mungkin terlupa akan alam semula jadi. Hidup di bandar pada dasarnya seperti 'alam rekaan' iaitu semua kemudahan diadakan untuk kegunaan manusia. Di alam semula jadi, kita terpaksa menghadapi dan mengatasi masalah sendiri," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan supaya ekspedisi yang dijalankan disertai oleh pelbagai kaum. "Kita tidak dapat mengasingkan antara kaum-kaum kerana dunia ini didiami oleh pelbagai kaum. Penyertaan mereka dalam sesuatu ekspedisi sudah tentu dapat mewujudkan persefahaman antara kaum.

"Mereka juga dapat berlatih supaya tidak kekok hidup dalam masyarakat pelbagai kaum dan tidak berbuat sesuatu yang tidak berasaskan fikiran yang waras," katanya.

Beliau berkata kerajaan akan membantu setiap negeri mempunyai pasukan ekspedisi. Kerajaan juga bersedia mengadakan pertandingan ekspedisi peringkat kebangsaan.